



Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia

Mohd Yusof Hussain¹, Mohamad Shaharudin Samsurijan², Suraiya Ishak¹, Abd. Hair Awang¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia, ²Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Correspondence: Mohd Yusof Hussain (email: hmyusoff@ukm.my)

Abstrak

Hubungan kejiranan adalah penting dalam melahirkan masyarakat sejahtera. Ia juga boleh dianggap sebagai penentu kesejahteraan hidup bagi sesuatu masyarakat, melaluinya juga kerjasama dan perpaduan masyarakat dapat dibentuk. Di dalam kajian ini penyelidik telah memilih penduduk di Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Kedah iaitu kampung yang wujud dalam bandar sebagai responden. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi penduduk terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka dalam aspek hubungan kekeluargaan dan kejiranan dan seterusnya menganalisis faktor penentu tahap kesejahteraan hidup penduduk sebagai penghuni di "urban village" ini. Seramai 132 orang ketua isi rumah telah ditemudikan dan jumlah ini mewakili 30% jumlah ketua isi rumah yang terdapat di Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan sahaja masih belum cukup untuk menjamin kesejahteraan, manakala hubungan kejiranan yang baik telah dianggap sebagai penentu kesejahteraan hidup penduduk. Namun, gabungan kedua-dua hubungan ini lebih memberi jaminan kesejahteraan hidup masyarakat "urban village".

Katakunci: hubungan kejiranan, kejiranan, kesejahteraan sosial, 'kampung bandar', pertalian keluarga, solidariti

The influence of neighbourliness in shaping the social wellbeing of urban villages : Evidence from Kampung Berjaya and Kampung Mempelam, Alor Setar, Kedah, Malaysia

Abstract

Neighbourliness is essential for social wellbeing as it promotes social cooperation and solidarity. This study analyses the perception of urban villagers of the role of neighbourliness and the determinants of their wellbeing as dwellers of urban villages in Malaysia's town of Alor Star, Kedah. A 30 per cent sampling comprising 132 household heads were interviewed in the urban villages of Kampung Berjaya and Kampung Mempelam for this purpose. It was found that while family relationship alone was deemed not enough to ensure social wellbeing in urban villages, good neighbourliness emerged as more of a real determinant of the residents' social wellbeing. The most ideal factors of social wellbeing, nevertheless, would be a combination of family ties and good neighbourliness.

Keywords: family ties, neighbourhood, neighbourliness, social wellbeing, solidarity, urban village

Pengenalan

Hubungan kejranaan mampu mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Ia juga boleh membentuk satu jaringan komuniti yang paling sempurna. Hubungan kejranaan ini juga turut mewujudkan interaksi sosial yang sempurna dan mampu menggalakkan perpaduan dalam kalangan penduduk setempat. Jika disebut perkataan jiran sudah pastilah, makna mudahnya iaitu orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita, iaitu di sebelah, di hadapan, dan juga di belakang rumah kita. Jika kita tinggal di dalam sebuah kampung yang sama, mereka akan dikenali sebagai jiran tetangga. Hubungan kejranaan ini penting kerana ia melibatkan kerjasama dalam segala aspek khususnya aspek keselamatan setempat. Kajian yang dilakukan oleh Sheau (2006) mendapati komuniti yang menyerlah dan bersatu-padu sentiasa dikaitkan dengan norma saling mempercayai dan bantu membantu antara jiran. Bagi penduduk “urban village” hubungan kejranaan ini dilihat sebagai penentu kepada kesejahteraan penduduk di kawasan tempat tinggal mereka.

Menurut Sheau (2006) hubungan kejranaan yang mesra memghasilak tahap kepercayaan sesama mereka yang lebih tinggi daripada kejranaan yang kurang mesra. Ini jelas menunjukkan hubungan kejranaan adalah penting dalam membentuk perpaduan. Hubungan kejranaan yang baik ini boleh dizahirkan menerusi sumbangan penduduk melalui aktiviti yang dijalankan secara bersama seperti gotong-royong dan sebagainya. Selain itu, menurut Jasmine (2008) interaksi di antara komuniti dan persekitarannya adalah kompleks dan boleh diteliti melalui konsep kebolehdiaman. Oleh itu, hubungan kejranaan yang baik dan berkualiti adalah amat mustahak bagi membolehkan penghuninya menjalankan kehidupan yang baik dan sempurna. Hasil kajian yang dilakukan oleh beliau ini jelas menunjukan interaksi sesama penduduk adalah penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Penduduk yang berinteraksi dengan jirannya boleh membentuk sebuah masyarakat sempurna dan berkualiti, maksudnya di sini mereka mampu untuk duduk bersama dan berbincang. Ini secara tidak langsung telah dapat membentuk modal sosial yang berkualiti (Sheau, 2006).

Kajian Salmi (2006) pula menunjukkan bahawa hubungan kejranaan yang baik ini mampu untuk meningkatkan kestabilan dalam politik, mengurangkan kadar jenayah, menjana pembangunan ekonomi serta dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat. Beliau menegaskan bahawa hubungan kejranaan ini mampu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk. Sekaitan dengan hal tersebut Forrest (2001) berpendapat, hubungan kejranaan boleh membina kepercayaan dan meningkatkan pemahaman khususnya kepada golongan muda tentang perasaan hormat-menghormati sesama sendiri. Memenangkan hati golongan muda adalah penting kepada usaha meningkatkan semangat kejranaan. Di sini mereka boleh belajar cara bertoleransi dan bekerjasama dalam kalangan masyarakat setempat.

Semangat kejranaan yang tinggi boleh dikaitkan dengan jaminan keselamatan. Hasil kajian yang dilakukan oleh Sheau (2006) telah menunjukkan bahawa mereka yang sering berasa tempat tinggal mereka selamat akan mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap jiran-jirannya. Di sini, jelaslah bahawa peranan jiran amat penting dalam menjamin keselamatan penduduk di sesuatu kawasan. Beliau juga turut mencadangkan bahawa mewujudkan suasana jiran yang bersatu-padu mampu mengurangkan indeks jenayah di samping dapat menghasilkan lebih banyak modal sosial di kawasan kejranaan. Tambahan pula modal sosial ini sebenarnya terbentuk melalui interaksi sosial dalam sesuatu komoniti. Beliau turut melihat bahawa jaringan sosial ini dapat membantu masyarakat setempat untuk berurusan dengan organisasi tempatan yang diwujudkan, membina masyarakat yang rela memberi sumbangan, boleh bersosial secara tak formal serta boleh mewujudkan kesejahteraan sosial. Semua ini adalah penting dalam memberi jaminan kesejahteraan kepada semua penduduk “urban village”.

Tujuan dan kaedah kajian

Selaras dengan pengenalan di atas, makalah ini bertujuan untuk menganalisis persepsi penduduk “urban village” terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka khususnya tentang hubungan kekeluargaan dan kejiranan serta faktor yang mempengaruhinya. Analisis ditumpukan kepada pola hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup penduduk di dua buah kampung, iaitu Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Star, Kedah. Sebanyak 132 orang ketua isi rumah telah dikaji selidik sepenuhnya. Jumlah ini mewakili 30% daripada seluruh ketua isi rumah yang terdapat di kedua-dua Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam. Bilangan sampel yang dipilih bagi setiap kampung adalah seimbang, berkadar dengan bilangan isi rumah kampung tersebut. Pada umumnya, keseluruhan isi rumah kedua-dua kampung tersebut mempunyai ciri sosioekonomi yang agak homogenus. Oleh itu responden yang dikaji selidik dalam kajian ini dipilih menggunakan prinsip persampelan rawak mudah.

Kesejahteraan hidup

Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa kemajuan sesebuah negara sebenarnya hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan (Mahathir, 1999). Ini menunjukkan betapa pentingnya aspek kesejahteraan hidup kepada rakyat negara berkenaan. Shaladin et al. (2006) telah melakukan kajian ke atas kualiti hidup nelayan persisir pantai di Kuala Terengganu. Kajiannya mendapati bahawa kesejahteraan para nelayan tersebut boleh dilihat menerusi tahap pemilikan perkakasan untuk menangkap ikan seperti bot, enjin bot, pukot, dan lain-lain. Hal ini penting bagi memastikan mereka sentiasa bersedia dan tidak menghadapi sebarang masalah ketika hendak pergi menangkap ikan. Hasil kajian beliau juga telah membuktikan kepentingan peranan kerajaan dalam membantu menyediakan peralatan menangkap ikan kepada nelayan persisir pantai sehingga dapat membantu meningkatkan kualiti hidup mereka.

Sejahtera di sini adalah sentosa, makmur serta baik sama ada dalam bentuk fizikal atau bukan fizikal. Menurut Shaladin et al. (2006) lagi kualiti hidup atau pun kesejahteraan hidup akan lebih bermakna sekiranya pihak kerajaan dapat menyediakan peluang meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan asas yang lain dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Kajian yang dilakukan Renwick (2006) terhadap kesejahteraan hidup telah membuktikan bahawa perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna adalah sebahagian daripada kesejahteraan hidup masyarakat. Menurut beliau lagi apabila seseorang itu berasa seronok dan bahagia, kehidupan mereka menjadi lebih bermakna. Hal tersebut sangat tinggi nilainya berbanding perkara lain yang terdapat di sekitar mereka, meski pun mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan. Namun begitu, kesejahteraan ini tidak akan wujud apabila masyarakat merasakan mereka berada dalam keadaan yang susah, sukar, tertekan, berasa tidak selamat, sentiasa merasa curiga dan tidak berpuas hati.

Manakala menurut Muhamad Fadhil (2003) pula, kesejahteraan hidup pada hakikatnya adalah usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahu pun psikologi. Asmah Ahmad (2005) pula menyatakan bahawa kualiti hidup dan kesejahteraan hidup itu adalah suatu perkara yang sama penting, kerana ia melibatkan kehidupan manusia. Jadi, kedua-duanya harus diberi perhatian. Perdebatan berkenaan dengan kesejahteraan hidup dan kualiti hidup harus bergerak seiring agar tidak ada pihak yang akan merasakan diri mereka tersisih. Norizan (2003) dalam kajiannya sudah pun membahagikan kesejahteraan hidup itu kepada dua kategori kualiti, iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Menurut beliau kualiti hidup objektif bermaksud keperluan hidup yang dapat dikecapi oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Kualiti hidup subjektif pula ialah

kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau menjelaskan lagi kesejahteraan hidup adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia. Kesejahteraan hidup adalah segala-galanya, mengatasi segala tahap yang terdapat dalam pengukuran kualiti hidup manusia. Kesejahteraan hidup adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia. Ini bermaksud, kesejahteraan yang diungkapkan oleh mereka yang merasakan diri mereka sejahtera, mengatasi semua penunjuk yang negatif seperti yang lazim digariskan dalam indeks yang mengukur aras kualiti hidup manusia.

Siti Fatimah (2005) pula telah menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada. Asmah Ahmad (2005) juga turut merujuk kualiti hidup kepada kesejahteraan sosial, iaitu darjah atau sejauh mana keperluan dan kehendak sesuatu penduduk itu dipenuhi. Apabila mereka merasakan apa yang diinginkan telah dapat dipenuhi dan mencukupi maka sudah cukup untuk membuatkan hidup mereka sejahtera. Jadi tidak ada apa yang perlu dipertikaikan, itulah kualiti hidup yang dimaksudkan.

Bagi Noll (2007) dan Sawatzky (2005), kesejahteraan hidup ini sebenarnya adalah suatu pengukuran yang subjektif dan ia amat berbeza dari segi ruang dan masa walau pun keadaan atau situasinya hampir sama. Ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup itu hanya boleh diukur oleh individu. Setiap individu memiliki pemahaman dan cita rasa yang berbeza. Jadi, gabungan pendapat sekumpulan individu di sesuatu kawasan dapat dijadikan asas untuk meramal tahap kesejahteraan kawasan tersebut. Apabila majoriti individu di kawasan tersebut berasa puas hati maka bolehlah dirumuskan bahawa kehidupan mereka itu sejahtera walau pun masih terdapat sekumpulan minoriti individu yang tidak sependapat

Berdasarkan penemuan para penyelidik di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa kesejahteraan hidup adalah suatu yang subjektif dan sukar untuk diukur hanya dengan indeks tertentu. Ia juga turut berbeza dengan kualiti hidup. Istilah "sejahtera" bermaksud kehidupan seseorang itu boleh dikategorikan sebagai berkualiti walau pun berpendapatan rendah. Ini mungkin kerana orang itu berasa seronok, gembira, selamat, disayangi dan dilindungi. Namun, walau setinggi mana pun tahap (indeks) kualiti hidup seseorang individu, termasuk yang berpendapatan tinggi, belum tentu individu tersebut sejahtera. Ini kerana apabila seseorang individu merasakan diri mereka tidak selamat, tidak seronok, tertekan, rasa tidak puas hati, rasa dipinggirkan dan dikelilingi dengan masalah, tiada kesejahteraan bagi individu berkenaan.


Persepsi penduduk terhadap tahap kesejahteraan hidup dari segi hubungan kekeluargaan dan kejiranan

Hubungan kekeluargaan dan semangat kejiranan yang baik boleh menjamin kesejahteraan hidup masyarakat. Masyarakat yang bersatu boleh membentuk perpaduan dalam suatu komuniti. Oleh itu, sikap toleransi serta kerjasama antara ahli masyarakat boleh menjamin kesejahteraan hidup yang berpanjangan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan hidup penduduk dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Di dalam kajian ini, penyelidik telah mengenalpasti beberapa aktiviti yang bersifat kemasyarakatan dan ia perlu dilakukan secara bersama. Sebahagian daripada aktiviti tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Aktiviti yang dijalankan bersama oleh penduduk “urban village”

Aktiviti yang dijalankan secara bersama	
Gotong-royong membersihkan kawasan	Kenduri-kendara
Sukaneka	Sambutan Kemerdekaan
Ceramah agama	Ceramah motivasi
Ceramah keselamatan	Sambutan perayaan
Kursus/ program	Rombongan sambil belajar
Khidmat masyarakat	

Kajian ini mendapati aktiviti yang kerap dijalankan secara bersama adalah aktiviti kenduri contohnya kenduri kahwin atau kenduri kesyukuran. Selain itu, aktiviti seperti ceramah agama juga adalah aktiviti yang kerap dan sangat kerap dijalankan secara bersama. Aktiviti kenduri dan ceramah agama masing-masing mewakili 83.3% dan 66.6%. Kajian ini juga mendapati aktiviti kenduri ini begitu kerap diadakan, khususnya ketika musim cuti sekolah. Aktiviti kenduri ini biasanya dijalankan secara gotong-royong, misalnya masak secara bersama serta melibatkan semua penduduk. Rata-rata penduduk di sini telah menubuhkan “pakatan syarikat” yang berperanan khusus dalam menyumbang tenaga, kemudahan khemah, pinggan mangkuk dan wang ringgit. Setiap ahli dikenakan bayaran antara RM50.00 hingga RM150.00. Selain aktiviti kenduri, ceramah agama juga kerap diadakan di surau dan masjid yang terdapat di sekitar kawasan “urban village” ini. Surau dan masjid merupakan tempat perjumpaan penduduk di kariah masing-masing. Kajian yang dijalankan mendapati, ahli jawatankuasa masjid di kampung ini begitu aktif dan sering menganjurkan ceramah agama serta beberapa kelas fardu ‘ain. Oleh itu tidak hairanlah jika aktiviti sosial dan keagamaan dikatakan begitu kerap dijalankan di kawasan kajian ini (Rujuk Rajah 1).



Rajah 1. Kekerapan penduduk “urban village” menjalankan aktiviti bersama

Bagi aktiviti gotong-royong pula, rata-rata penduduk “urban village” memberikan respon kadang-kadang. Kajian mendapati, aktiviti gotong-royong ini hanya dijalankan mengikut musim dan peristiwa. Contohnya semasa ada lawatan orang kenamaan, anjuran dari MBAS, waktu

program kemasyarakatan seperti anak angkat yang dianjurkan oleh IPTA/IPTS, musim perayaan dan peristiwa lain yang menyebabkan kampung ini menjadi tumpuan ramai. Ini terbukti apabila kajian yang dilakukan mendapati 57.6% penduduk telah memberikan persepsi mereka “kadang-kadang” sahaja aktiviti gotong-royong ini dijalankan. Walau bagaimanapun, aktiviti gotong-royong ini tetap dilakukan secara bersama, dan kajian ini juga mendapati seramai 37.9% penduduk mendakwa aktiviti ini kerap juga dilakukan di kampung ini, hanya 4.5% sahaja yang memberikan reaksi tidak pernah diadakan.

Selain aktiviti gotong-royong, aktiviti sambutan perayaan juga mendapat reaksi yang serupa. Kajian ini mendapati 40.1% penduduk menyatakan aktiviti sambutan perayaan hanya diadakan “kadang-kadang” sahaja, 31.1% lagi menyatakan “kerap” diadakan, dan 12.9% lagi menyatakan “sangat kerap” diadakan. Sambutan perayaan yang dimaksudkan ini termasuklah semasa Hari Raya Korban”. Sambutan Hari Raya Korban ini pada kebiasaannya dijalankan secara bergotong-royong terutamanya semasa acara penyembelihan. Ternakan yang hendak dibuat korban akan dikumpulkan dan disembelih secara serentak, kemudian daging korban tadi akan diagihkan kepada semua penduduk khususnya kepada mereka yang kurang berkemampuan. Aktiviti ini diadakan setiap tahun. Sambutan perayaan lain yang juga turut diadakan termasuklah program rumah terbuka, namun program tersebut kebanyakannya lebih bersifat individu tetapi turut dibantu oleh jiran dan individu lain dalam komuniti berkenaan.

Aktiviti lain seperti sukaneka, sambutan kemerdekaan, ceramah motivasi, ceramah keselamatan, kursus/program, rombongan sambil belajar, dan khidmat masyarakat, jarang sekali dianjurkan di kampung ini. Kajian mendapati aktiviti seperti ini hanya melibatkan kumpulan sasaran tertentu sahaja. Penganjuran program seperti ini lazimnya memerlukan sumber kewangan daripada agensi atau badan-badan tertentu. Lagi pun, aktiviti formal ini diadakan kerana menyambut kehadiran orang kenamaan, dihadiri oleh kumpulan, pada masa dan tempat tertentu sahaja. Program sedemikian kurang melibatkan penduduk awam, sebaliknya hanya ahli jawatankuasa, pemimpin dan ketua bagi sesuatu pertubuhan sahaja yang terlibat secara langsung.

Kajian ini turut melihat tentang hubungan kekeluargaan dan kejiranan masyarakat “urban village”. Hubungan kekeluargaan dan kejiranan ini didapati penting dalam menjamin kesejahteraan hidup penduduk (Rujuk Jadual 2.)

Jadual 2. Persepsi penduduk “urban village” terhadap hubungan kekeluargaan dan kejiranan di kawasan mereka

Hubungan Kekeluargaan dan Kejiranan	Persepsi Penduduk (%)				
	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Cenderung mewujudkan kelompok masyarakat yang berbeza/ berpuak-puak	34.8	35.6	29.6	0.0	100
Hubungan kekeluargaan lebih utuh/penting berbanding dengan semangat kejiranan	7.6	21.2	62.1	9.1	100
Semangat kekeluargaan dan kejiranan sama penting	2.3	3.8	75.0	18.9	100
Mengenali jiran-jiran secara intim yang terletak bersebelahan rumah	2.3	6.8	69.7	21.2	100
Hubungan baik dengan jiran lebih penting/menjadi keutamaan	2.3	10.6	71.2	15.9	100

Berdasarkan Jadual 2 di atas jelas menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan dan kejiranan di kawasan “urban village” masih kuat dan utuh. Ini terbukti apabila kaji selidik yang dijalankan mendapati 34.8% penduduk “tidak bersetuju” dengan pandangan bahawa hubungan kekeluargaan dan kejiranan di sini cenderung mewujudkan kelompok masyarakat yang berbeza atau berpuak-puak. Manakala 35.6% penduduk telah menyatakan “tidak pasti” akan kewujudan kelompok masyarakat berbeza atau berpuak-puak. Hanya 29.6% lagi menyatakan “setuju” bahawa hubungan tersebut telah mewujudkan kelompok masyarakat yang berbeza dan berpuak-puak. Penduduk “urban village” di sini terdiri daripada kumpulan penduduk yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat. Kelompok hubungan kekeluargaan ini telah berkembang dan telah menjadi sebuah komuniti dalam kawasan “urban village”. Maka tidak hairanlah sekiranya penduduk di “urban village” ini mempunyai hubungan kekeluargaan dan kejiranan yang kuat.

Kajian ini juga mendapati hubungan kekeluargaan dan kejiranan turut memainkan peranan penting dalam menjamin kestabilan kesejahteraan hidup penduduk “urban village”. Ini terbukti di mana, sebanyak 75% penduduk telah menyatakan hubungan kekeluargaan dan kejiranan adalah sama penting. Ini menunjukkan mereka saling bergantung antara satu dengan yang lain. Manakala 18.9% penduduk lagi amat bersetuju dengan pernyataan ini, mereka yang tidak bersetuju dan tidak pasti masing-masing hanyalah 2.3% dan 3.8% sahaja. Namun begitu, bila disentuh berkenaan dengan hubungan kekeluargaan sahaja yang lebih penting, bilangan penduduk yang menyatakan tidak setuju telah meningkat kepada 7.6% manakala 21.2% lagi memberikan reaksi tidak pasti. Hal ini membuktikan bahawa hubungan kekeluargaan sahaja masih belum mampu memberi kesejahteraan hidup secara keseluruhannya. Sebaliknya hubungan kekeluargaan perlu digabungkan dengan semangat kejiranan supaya mampu membentuk dan menjamin kesejahteraan hidup penduduk secara keseluruhannya.

Selain itu, hubungan kejiranan juga dilihat menjadi keutamaan penduduk di kampung ini. Kajian mendapati sebanyak 71.2% penduduk bersetuju bahawa hubungan kejiranan menjadi keutamaan penduduk di sini. Sejumlah 15.9% penduduk lagi menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Manakala mereka yang menyatakan tidak setuju dan tidak pasti hanyalah 2.3% dan 10.6% sahaja. Seperkara yang menarik dalam kajian penduduk “urban village” ini ialah situasi isi rumah saling mengenali jiran mereka secara intim, khususnya jiran yang tinggal bersebelahan rumah. Keadaan ini mengukuhkan lagi hakikat peri pentingnya hubungan kejiranan di kawasan “urban village” ini. Sebanyak 90.9% penduduk mengakui bahawa mereka memang mengenali jiran mereka secara intim. Manakala mereka yang memberikan persepsi tidak setuju dan tidak pasti masing-masing hanya 2.3% dan 6.8% sahaja.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa sekiranya elemen hubungan kekeluargaan dan kejiranan disepadukan, kesannya dalam membentuk nilai kesejahteraan adalah amat tinggi. Kedua-duanya dilihat sama penting khususnya dalam menjamin kesejahteraan penduduk “urban village”. Peratusan penduduk yang bersetuju dengan pernyataan ini mencapai 90.9%. Sebaliknya jika elemen hubungan kekeluargaan dan kejiranan dipisahkan, hanya 60.6% penduduk “urban village” menyatakan hubungan kekeluargaan lebih penting manakala 87.1% penduduk “urban village” pula bersetuju dengan pernyataan bahawa hubungan kejiranan memainkan peranan lebih penting dan menjadi keutamaan penduduk di sini. Ini jelas menunjukkan hubungan kekeluargaan sahaja masih belum cukup untuk menjamin kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut. Hubungan kejiranan yang baik wajar diberi keutamaan dalam menentukan kesejahteraan hidup penduduk. Namun begitu, kesejahteraan hidup penduduk “urban village” ini akan menjadi lebih baik sekiranya kedua-dua elemen tersebut disepadukan.

Penemuan di atas pada umumnya adalah selaras dengan pandangan penduduk tentang faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup penduduk “urban village”. Kajian ini mendapati bahawa hubungan kejiranan merupakan faktor penentu yang paling utama, sebanyak 45.5% penduduk menyatakan faktor penentu utama kesejahteraan hidup penduduk “urban village” adalah memiliki jiran yang baik, boleh dipercayai, tidak mengambil kisah perkara remeh, mudah menolong, jiran yang mesra dan sentiasa mengambil berat. Ini diikuti faktor jaminan keselamatan

27.3%. Bagaimana pun hubungan kekeluargaan (8.3%) bukan faktor utama menentukan tahap kesejahteraan hidup penduduk “urban village”. Begitu juga dengan faktor bebas daripada ancaman jenayah sosial (7.5%), dekat dengan bandar (2.3%), bebas dari pendatang asing (2.3%), infrastruktur yang sempurna (1.5%) dan jaminan pekerjaan (0.8%) serta keprihatinan pemimpin (0.8%). Sebahagian kecil tidak memberi maklum balas 3.7%.

Secara keseluruhannya, kehidupan penduduk “urban village” akan menjadi lebih sejahtera sekiranya setiap isi rumah memiliki jiran yang baik, boleh dipercayai, tidak mengambil kisah perkara remeh, suka tolong-menolong, mesra dan sentiasa mengambil berat keadaan jirannya. Selain itu kehidupan yang sejahtera juga dapat diwujudkan di kawasan tersebut sekiranya hubungan kekeluargaan akrab, keselamatan penduduk terjamin, bebas daripada jenayah sosial, penyediaan infrastruktur yang baik, dekat dengan bandar dan ada jaminan pekerjaan untuk semua orang. Kehidupan penduduk yang sejahtera ini sangat penting dan adalah asas yang kukuh bagi pembentukan modal sosial.

Kesimpulan

Aktiviti yang dijalankan secara bersama dilihat sebagai penunjuk kepada tahap kesejahteraan penduduk di kawasan “urban village” di bandar Alor Star. Kerjasama yang dilakukan ketika melakukan aktiviti kenduri secara bersama telah memperlihatkan bagaimana hubungan kekeluargaan dan kejiranan begitu berkait rapat dengan kehidupan masyarakat di kawasan tersebut. Kesanggupan penduduk berkorban masa demi menjayakan aktiviti secara bersama ini adalah bukti bahawa perpaduan wujud di kawasan “urban village” ini. Semangat bekerjasama ini juga telah membuktikan bahawa masyarakat “urban village” masih mengekalkan budaya tradisional masyarakat Melayu. Budaya kerja secara bergotong-royong ini didapati telah sebatian dengan masyarakat di kawasan “urban village” ini. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati sekiranya hubungan kekeluargaan dan kejiranan disepadukan, kesannya lebih ketara dan tinggi dalam membentuk nilai kesejahteraan. Sebaliknya jika dipisahkan, hubungan kekeluargaan sahaja masih belum cukup untuk membentuk nilai kesejahteraan yang tinggi. Malah hubungan kejiranan yang baik lebih menjadi keutamaan bagi majoriti penduduk dalam mewujudkan dan meningkatkan nilai kesejahteraan hidup kawasan tersebut. Hal ini selari dengan pandangan penduduk bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup penduduk “urban village” adalah hubungan kejiranan yang baik.

Rujukan

- Asmah Ahmad (2005) *Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005. Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah UKM. Halaman 3-14.
- Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md Jahi, Asmah Ahmad, Abdul Hadi Harman Shah (2006) Mendefinisikan semula makna kualiti hidup dalam konteks ilmu sosial. *Malaysia Journal of Environment Management* 7, 19-32.
- Desmond B (2007) Sub-urban village in China. Urban village in China [cited 5 August 2010]. Available from: <http://www.sdurbanvillage.com/html>
- Forrest R, Kearns A (2001) Social cohesion, social capital and the neighbourhood. *Urban Studies* 38 (12), 2125–2143.
- Hanh T (2006) China urban planning material. *Journal of Physics* [cited 3 October 2010]. Available from: <http://www.northseattle.info/akses/html>.
- Lauer RH, Lauer JC (2004) *Social problems and the quality of life*. McGraw Hill, Boston.

- Li Liu (2006) Quality of life as a social representation in China: A qualitative study. *Social Indicators Research* **75** (2), 217-240.
- Mahathir Mohamad (1999) Kata alu-aluan kualiti hidup Malaysia 1999. Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur [cited 20 November 2010]. Available from: <http://www.epu.jpm.my/New%20Folder/publication/mqli99/1>.
- Mohamad Shaladdin Muda, Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin (2006) *Analisis kesejahteraan hidup nelayan persisir*. KUSTEM, pp. 58-76.
- Muhamad Fadhil Nurdin (2003) *Penilaian dampak pembangunan ke arah kesejahteraan masyarakat; Penilaian dampak sosial*, Utusan Publication & Distributor, Kuala Lumpur.
- Nieboer A, Lindenberg S, Boomsma A, Van Bruggen AC (2005) Dimensions of well-being and their measurement: The spf-II scale. *Social Indicators Research* **73** (3), 313-353.
- Niels BS (2007) Development of society's metabolism in Singapore. *Journal of Industrial Ecology* **11** (1-2). UN-HABITAT.
- Norizan Abdul Ghani (2003) *Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian* (PhD dissertation). Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Nur Jasmine Lau Leby (2008) *Residents' perception of liveable neighbourhood environment in Subang Jaya, Selangor, Malaysia* (Master Sains thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Pollnac RB, Pomeroy RS, Harkes IHT (2001) Fishery policy and job satisfaction in three Southeast Asian fisheries. *Ocean and Coastal Management* **44**, 531-544.
- Renwick R (2006) The quality life model [cited 29 November 2010]. Available from: <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>.
- Salmi V (2006) The association between social capital and juvenile crime: The role of individual and structural factors. *European Journal of Criminology* **3** (2), 123-148.
- Sheau Tsuey Chong (2006) *It takes a village to raise a child: Building social capital in safe and cohesive neighbourhood*. Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (2006) Kriteria kualiti hidup berkeluarga [cited 29 November 2010]. Available from: <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>.